

قَتِيْقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"KAUM belia memang digalakkan untuk melakukan apa jua perkara yang bermanfaat, terutama untuk meneroka bidang-bidang baru atau sanggup membuat kerja-kerja lasak, seperti turun ke sawah di bawah panas matahari dan lain-lain. Ini semua sangatlah berguna kepada belia, selaku ejen masyarakat. Menyebut belia ejen masyarakat, adalah penting bagi mereka itu, untuk memiliki jati diri dan sikap yang mantap. Kerana tanpa jati diri dan sikap, seorang belia itu tidak akan dipandang hebat."

- Titah Sempena Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-10 Tahun 2015.



Pelita
BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

قلبي في

مانيسش ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN makanlah yang halal lagi baik daripada rezeki yang Allah kurniakan kepada kamu dan bertakwallah kepada Allah yang kepada-Nya sahaja kamu beriman."

- (Firman Allah dalam Surah Al-Maa'idah, ayat 88).

Waktu Sembahyang

IMSAK

4.46

SUBUH

4.56

SYURUK

6.17

DUHA

6.40

ZUHUR

12.27

ASAR

3.47

MAGHRIB

6.36

ISYAK

7.48

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

Bina insan berwibawa dan bertanggungjawab



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-12 pada 8 Zulkaedah 1438 bersamaan 1 Ogos 2017.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabiheece Nasta'eenu 'Alaa**

**Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu
'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**

BETA bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat Belia Kebangsaan Ke-12 ini.

Semua orang pandai dan mesra menyebut 'belia'. Zaman belia adalah zaman yang indah dan manis. Barangsiapa yang sempat melalui zaman belia, maka orang itu adalah orang beruntung. Kerana pada tahap inilah individu mengalami pertumbuhan yang sangat menentukan.

Pertumbuhan itu di sini, ialah dari segi syakhsiah, kebolehan dan pengetahuan. Seorang belia yang tumbuh normal dan sihat adalah belia yang baik. Ditambah lagi jika pengisiannya sempurna, dari sudut keperibadian, pendidikan dan kebolehan, maka belia yang seperti ini

tidak syak lagi adalah belia yang berkualiti.

Belia berkualiti, di samping diukur dari sudut pengisiannya, dan juga ditentukan oleh sikapnya.

Belia yang bersikap suka memajukan diri, itulah tanda belia yang berbakat besar, yang pada lazimnya sangat aktif dan kreatif.

Bukankah semua ini merujuk kepada kualiti?

Belia macam inilah yang kita mahukan. Kita mahu belia kita jangan pasif tetapi aktif. Kita tidak mahu para belia itu hanya tahu menghitung hari, tetapi yang kita mahukan ialah, belia yang ligat dan giat 'mengisi' waktu atau hari dengan aktiviti-aktiviti berkebakikan, bukan membiarkannya kosong atau berlalu begitu saja.

Pengisian hari atau waktu ini mustahak diambil kira, kerana zaman kita sekarang adalah zaman yang tedalu banyak berseronok atau bersantai. Jika para belia, kita biarkan asyik memilih trend bersantai sahaja, maka risikonya sangatlah buruk untuk masa depan.

Di antara risiko yang dapat diramalkan ialah, negara mungkin saja akan terjebak

memiliki sumber tenaga yang lemah atau ketandusan daya saing bagi menghadapi pelbagai cabaran.

Ke arah belia berkualiti, tidak syak lagi, adalah satu pelaburan. Ia memerlukan komitmen semua pihak dan dilaksanakan melalui pelan strategik membentuk kewibawaan, yang dimulai dengan meningkatkan kesedaran di kalangan belia.

Dengan adanya kesedaran itu, akan menjadikan para belia lebih dewasa dan lebih patriotik.

Kesedaran yang dimaksudkan di sini, ialah kesedaran beragama, berkeluarga, bermasyarakat dan bernegara. Keempat-empat jenis kesedaran ini sangat mustahak untuk dimiliki oleh para belia kita, tanpa membezakan status dan peringkat mereka.

Inilah rukun kesempurnaan bagi belia.

Kita perlu risau, Kalau-kalau para belia kita kosong dari memiliki ciri-ciri kesedaran tersebut. Kerana jika ini berlaku, impak buruk pasti menimpa masyarakat dan negara.

Dan kita lebih risau lagi dengan apa yang kita dengar dan baca, bahawa di tempat lain telahpun berlaku murid-murid sekolah atau pelajar membuli rakan mereka sampai mati, serta lain-lain lagi jenayah.

Ini, adalah betul-betul membimbangkan. Kita boleh bayangkan, jika murid atau pelajar sudah melakukan jenayah paling berat, betapa setelah mereka itu dewasa atau setelah jadi belia kelak?

Jadi ternyata, peristiwa seperti ini menambahkan lagi tanggungjawab para pemimpin, ibu bapa dan guru untuk memastikan, bahawa perkara seperti ini tidak akan berlaku di Negara Brunei Darussalam.

Tanggungjawab kita bukanlah setakat membina bangunan atau membina negara. Tetapi, tanggungjawab paling mencabar ialah tanggungjawab membina insan.

Maka untuk itulah kita membangun sekolah, membangun institusi keluarga dan sekali gus memerlukan pemimpin prihatin dan kekuatan dakwah.

Dari sinilah, semua pihak yang berkenaan itu sangat perlu untuk mengambil langkah-langkah bersepadu dalam membina bangsa, khasnya membina para remaja dan belia.

Apabila tanggungjawab ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, maka barulah ada harapan untuk kita dapat melihat sebuah generasi masa depan yang menyerlah, insyaaAllah.

Sekian, Wallahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bukan mudah meraih anugerah

MENDAPAT Anugerah Belia Berkhidmat pada 1 Ogos 2017 yang lalu sememangnya satu pengiktirafan yang tinggi buat Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit membuatkan beliau memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga.

Bukan mudah untuk mendapat anugerah tinggi seperti ini. Apalagi Anugerah Belia Berkhidmat yang dianugerahkan sempena Hari Belia Kebangsaan baru-baru ini merupakan penganugerahan yang diberikan kepada pemimpin belia atau belia yang telah memberikan sumbangan atau khidmat secara sukarela mereka secara berterusan untuk masyarakat terutama golongan belia di negara ini dalam pelbagai bidang sama ada keagamaan, kemasyarakatan, kesukanan, pendidikan dan sebagainya selaras dengan konsep negara Melayu Islam Beraja.

Walaupun segala aktiviti sukarela bukanlah untuk meraih anugerah semata-mata, namun bagi mendapatnya bukan sesuatu yang mudah. Ia memerlukan usaha, komitmen, pengorbanan masa dan kewangan serta kecekalan dan kesabaran yang tinggi.

Namun itulah yang ditempuhi oleh Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri. Ketika ditemui, beliau seorang yang bersahaja ini menyatakan, keinginan untuk melakukan kerja-kerja sukarelawan adalah bermula selepas menyertai Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara pada tahun 2009. Program ini juga telah banyak membantu dalam pembentukan jati diri dan kualiti keperibadian sebagai seorang sukarelawan yang bersedia berkhidmat untuk kebajikan masyarakat.

Beliau yang berusia 34 tahun ini juga gemar mengembara dan telah melaksanakan beberapa kerja-kerja amal di luar negara.

"Setelah saya melakukan kerja-kerja amal di dalam negara pada empat tahun yang lalu, saya kemudiannya mengorak langkah untuk melaksanakannya di luar negara pula. Setakat ini sebanyak 11 projek yang telah saya laksanakan di luar negara, iaitu Malaysia, Indonesia, Thailand dan Kemboja," ujarnya.

Antara yang telah dilaksanakan ialah melaksanakan ibadah korban di Kemboja. Sumber kewangan

Oleh: Norliah binti Md. Zain
Foto: Jabatan Penerangan dan Ihsan

pula beliau perolehi daripada kaum keluarga dan sahabat handai. Pada tahun 2014 sebanyak 16 ekor lembu telah disembelih untuk diagihkan kepada sebuah kampung yang kemudiannya telah meningkat pada tahun 2015 iaitu sebanyak 48 ekor lembu untuk dua buah kampung.

Jumlah ini telah meningkat lagi sebanyak 100 ekor lembu pada tahun 2016 untuk diagihkan kepada tiga buah kampung.

Menurut Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri, kampung - kampung itu merupakan sebuah perkampungan orang-orang Islam yang agak terpencil di Kemboja. Sepanjang melaksanakan ibadah korban itu, beliau bersama rakan-rakannya bermalam di kampung tersebut.

Kampung-kampung itu juga dipilih memandangkan ketika itu belum ada mana-mana pihak individu mahupun pertubuhan yang telah sampai ke sana. Setelah kegiatan ibadah korban yang dilaksanakan tiga tahun berturut-turut itu mendapat sambutan, beliau kemudiannya telah menubuhkan sebuah syarikat yang dinamakan Korbanku Services yang ditubuhkan pada tahun ini.

Ujarnya pada tahun ini mereka ingin menyembelih lebih banyak lembu lagi sempena dengan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini, agar orang-orang Islam Kemboja dapat menikmati ibadah tersebut. Apa yang menyedihkan,

penduduk di sana hanya dapat memakan daging lembu setahun sekali iaitu pada Hari Raya Aidiladha.

Oleh itu bagi orang ramai yang berhajat untuk menyertainya, bolehlah melayari laman web www.korbanku.com untuk mendapatkan maklumat lanjut. Permohonan ini dibukakan sehingga 14 Ogos 2017.

Selain melaksanakan ibadah korban, beliau juga pernah melaksanakan projek berkhidmat untuk kanak-kanak muslim di Kemboja. Menurutnya beliau telah membawa dua orang penyunat dari Negara Brunei Darussalam dan sebanyak 24 kanak-kanak telah berkhidmat ketika itu.

Menurutnya lagi, melakukan kerja-kerja sukarelawan sebenarnya lebih banyak membantu memperbaiki diri kita sendiri.

"Kita sebenarnya tidak akan pernah menjadi 'seorang pembantu yang cukup' untuk membantu orang lain. Oleh itu kerja-kerja sukarelawan ini sebenarnya lebih banyak membantu diri kita sendiri, terutama untuk menilai terhadap apa yang kita ada dengan orang-orang yang memerlukan. Dan lebih penting lagi untuk bersyukur dengan apa yang telah dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wataala kepada kitani," ujarnya bersungguh-sungguh.

Beliau berharap belia-belia lain akan lebih bersemangat untuk berganding bahu memperbaiki diri sendiri melalui kerja-kerja kesukarelawan di samping memberikan bantuan kepada mereka yang memerlukan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Anugerah Belia Berkhidmat kepada Awang Haji Muhammad Iqbal Fakhri bin Haji Damit pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 Tahun 2017.



AWANG Haji Muhammad Iqbal Fakhri bergambar kenang-kenangan bersama kanak-kanak Islam di Kemboja.



BERGAMBAR bersama kanak-kanak Islam Kemboja di kampung mereka.



AWANG Haji Muhammad Iqbal Fakhri bersama adik dan rakan ketika berada di Kemboja.



BERSAMA seorang penduduk Islam di Kemboja.



BELIAU turut disertai oleh adik beliau dan rakan-rakan rapat.